

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Tempias radioaktif</u>	Harian Metro	Rujuk Lampiran 1
2.	<u>Penghasilan residu radioaktif dihentikan</u>	Sinar Harian	Rujuk Lampiran 2
3.	<u>Ribut petir sepanjang minggu</u>	Harian metro	Rujuk Lampiran 3
4.	<u>More Stringent conditions imposed of Lynas compared with regulations by Barisan</u>	The Sun	Rujuk Lampiran 4

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
5.	<u>'Renewable energy capacity to rise by 50pc in 5 years'</u>	New Straits Times	Rujuk Lampiran 5

LAMPIRAN 1
 HARIAN METRO (LOKAL): MUKA SURAT 20
 TARIKH: 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

Tempias radioaktif

Tiada maklumat pekerja kilang Lynas terkesan sisa buangan

Oleh Idris Musa
 idris@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tiada maklumat terperinci mengenai pekerja disyaki terkesan dengan radioaktif di kilang Lynas di Kuantan, Pahang, setakat ini.

Perkara itu dinyatakan Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah Majilis pada sidang Dewan Rakyat di sini, semalam.

"Setakat ini, kita tidak menerima maklumat berkenaan. Mungkin kita boleh mendapatkannya daripada Kementerian Kesihatan agar ia lebih terperinci," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (Pas-Kubang Kerian) yang ingin tahu jumlah pekerja disyaki terkesan dengan radioaktif di kilang itu.

Menurutnya, di peringkat Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, yang penting adalah cara mengendalikan sisa radioaktif itu dengan syarat yang ditetapkan sebelum ini.

Kepada soalan asal Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera) yang bertanyakan alasan kerajaan meneruskan kilang Lynas, beliau berkata, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA) meluluskan pembaharuan lesen operasi Lynas selama hanya enam bulan dengan syarat lebih ketat bagi memastikan operasi terutama pengurusan sisanya selamat.

Katanya, antara syarat ditetapkan ialah Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan *cracking and leaching* di luar negara bagi tujuan memindahkan proses itu yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng, Kuantan, keluar dari Malaysia.

Beliau berkata, selepas kemudahan *cracking and leaching* mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif melebihi 1 *Becquerrel* per gram di lojinya di Gebeng.

"Dengan syarat ini, kerajaan hendak memastikan penghasilan residu radioaktif oleh operasi Lynas dihentikan dalam masa de-

pan," katanya.

Menurutnya, kerajaan melalui LPTA juga secara tetap melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis Lynas, selain menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai langkah verifikasi.



Dengan syarat ini, kerajaan hendak pastikan penghasilan residu radioaktif dihentikan"

Isnaraissah



LAMPIRAN 2
SINAR HARIAN (RAKYAT): MUKA SURAT 08
TARIKH: 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

Penghasilan residu radioaktif dihentikan

KUALA LUMPUR - Kerajaan akan memastikan penghasilan residu radioaktif daripada operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) di Gebeng, Kuantan dihentikan pada masa hadapan.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majilis berkata, sehingga 24 September lalu, kilang berkenaan menghasilkan residu radioaktif Water Leached Purification (WLP) sebanyak 637,582 tan metrik.

Menurutnya, buangan terjadual bukan radioaktif Neutralisation Underflow Residue (NUF) pula sebanyak 1,084,203 MT (*dry basis*).

"Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) meluluskan pembaharuan lesen operasi Lynas selama enam bulan dengan syarat lebih ketat.

"Antaranya, Lynas hendaklah mengemukakan perancangan pembinaan *cracking and leaching* di luar negara bagi memindahkan proses tersebut ke luar negara.

"Kemudahan ini hendaklah dibina dan mula ber-



ISNARAISSAH MUNIRAH

ISU LYNAS

operasi dalam tempoh empat tahun daripada tarikh sah lesen. Selepas kemudahan ini mula beroperasi, Lynas tidak lagi dibenar menghasilkan residu radioaktif melebihi satu Becquerel per gram di loji Gebeng," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera)** mengenai alasan kementerian itu meneruskan operasi Lynas dan kesannya kepada kesihatan.

Isnaraissah berkata, kerajaan melalui LPTA melakukan pemeriksaan berkala secara tetap ke atas Lynas, selain menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai langkah verifikasi.

LAMPIRAN 3
HARIAN METRO (LOKAL): MUKA SURAT 11
TARIKH: 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

Ribut petir sepanjang minggu

Kuala Lumpur: Fasa peralihan monsun yang membawa hujan dan ribut petir diramal berlaku membabitkan seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak sepanjang minggu ini.
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (Met-Malaysia), Jaitan Simon berkata, fasa peralihan monsun itu tidak membawa banjir besar, sebaliknya berpotensi menyebabkan banjir kilat di kawasan yang tidak mempunyai sistem saliran yang baik.
Katanya, hujan lebat hanya berlaku pada waktu petang di kebanyakan kawasan ne-



Hujan lebat menyebabkan aliran air dari hulu Selama nalk dengan mendadak di kawasan Kampung Matang Tengah, Bagan Serai.

285 mangsa terjejas banjir

Bagan Serai: Tiga daerah di Perak membabitkan Hilir Perak, Perak Tengah dan terbaru, Bagan Serai dilanda banjir mengakibatkan jumlah keseluruhan penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) seramai 285 orang.
PPS dibuka di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Jong, Teluk Intan, yang menempatkan 225 penduduk daripada 62 keluarga. Dewan Orang Ramai (DOR) Teluk Kepayang, Bota (41 orang) dan terbaru di DOR Kampung Matang Tengah, Changkat Lobak di sini (19 orang daripada lima keluarga).
Difahamkan, jalan utama di Kilometer 15 hingga 16 Bagan Serai-Selama, juga tidak dapat dilalui kenderaan ringan berikutan paras air yang naik kira-kira 0.6 meter akibat limpahan air sungai.
Pengarah Operasi Parlimen Bagan Serai, Haizullail Mohamad berkata, hujan lebat sejak malam kelmarin termasuk aliran air dari hulu Selama menyebabkan air naik dengan mendadak di kawasan Kampung Matang



JALAN utama di Kilometer 15 hingga 16 Bagan Serai-Selama tidak dapat dilalui kenderaan ringan.

Tengah.
"Sehingga jam 12 tengah hari, seramai 19 mangsa dipindahkan ke PPS berikutan paras air yang semakin naik dan PPS akan ditukar dari DOR Kampung Matang Tengah ke SK Changkat Lobak.
"Bantuan awal kepada lima keluarga sudah disampaikan dan pada masa sama, pihak kami akan memantau serta membantu mangsa banjir di sini," katanya yang ditemui di PPS DOR Kampung Matang Tengah.
Semen-

mula pada hujung minggu ini atau awal minggu hadapan dan sepanjang waktu itu, kemungkinan beberapa kawasan akan mengalami banjir.
Beliau berkata, hujan lebat turut dijangka berlaku antara pertengahan November hingga hujung Disember di Kelantan dan Terengganu manakala Pahang dan Johor akan mengalami keadaan sama pada Disember hingga awal Januari.
"Pada awal Januari hingga Februari nanti hujan (dijangka) beralih ke Sarawak dan Sabah," katanya.
- Bernama

PPS di Teluk Kepayang menempatkan 41 orang

LAMPIRAN 4
 THE SUN (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 03
 TARIKH: 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

More stringent conditions imposed on Lynas compared with regulations by Barisan

■ BY ASHWIN KUMAR AND KEVIN DAVASAGAYAM
 newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The current government has imposed more stringent conditions on Lynas Malaysia Sdn Bhd as compared with the previous administration, said Deputy Minister of Energy, Science, Technology, Environment, and Climate Change Isnaraissah Munirah Majilis.

"The new terms were decided following the decision of the

Cabinet based on the recommendations made by the Executive Committee on Operations Evaluation of the Lynas Advanced Materials Plant in its November 2018 report," she told the Dewan Rakyat yesterday in reply to a question by Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-Bera).

Ismail Sabri had questioned the decision of the Pakatan Harapan government to renew Lynas' licence as he claimed it showed that the previous Barisan Nasional government did nothing wrong in

allowing Lynas to operate in Malaysia.


While not denying Ismail Sabri's claim, Isnaraissah said the Atomic Energy Licensing Board approved the renewal of Lynas' operating licence for just six months under more stringent measures to ensure Lynas operations, especially in terms of waste management, are safe.

Ismail Sabri then asked the government why it allowed the Lynas plant to operate in Kuantan and the impact it would have on

people's health as it continues to operate.

Isnaraissah said Lynas had produced 637,581 tonnes of water leached purification radioactive residue as of Sept 24, 2019, up from 451,564 tonnes in December last year.

Meanwhile, non-radioactive scheduled waste disposal neutralisation underflow residue stood at 1.08 million tonnes as of Sept 24 this year, down from 1.113 million tonnes in December last year.



FURTHER DROP ... Even with heavy rains, there is a significant decline in water levels at the Teluk Bahang dam where the level is at 43%. The level of the Air Itam Dam is at 45.7% and Mengkuang, 69%. —BBXPix

LAMPIRAN 5
NEW STRAITS TIMES (WORLD): MUKA SURAT 51
TARIKH: 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

IEA REPORT

'Renewable energy capacity to rise by 50pc in 5 years'

LONDON: Global renewable energy capacity is set to rise by 50 per cent in five years, driven by solar photovoltaic (PV) installations on homes, buildings and industry, according to the International Energy Agency (IEA).

Total renewable-based power capacity will rise by 1.2 terawatts (TW) by 2024 from 2.5TW last year, equivalent to the total installed current power capacity of the United States.

Solar PV will account for nearly

60 per cent of this growth and onshore wind 25 per cent, the IEA's annual report on global renewables showed.

The share of renewables in power generation is expected to rise to 30 per cent in 2024 from 26 per cent today.

Falling technology costs and more effective government policies have helped to drive the higher forecasts for renewable capacity deployment since last year's report, said the IEA.

"Renewables are already the world's second largest source of electricity, but their deployment still needs to accelerate if we are to achieve long-term climate, air quality and energy access goals," said IEA executive director Fatih Birol.

"As costs continue to fall, we have a growing incentive to ramp up the deployment of solar PV."

The cost of generating electricity from distributed solar PV (PV systems on homes, commercial

buildings and industry) is already below retail electricity prices in most countries.

Solar PV generation costs are expected to decline between 15 and 35 per cent more by 2024, making the technology more attractive, said the IEA.

However, policy and tariff reforms are needed to ensure solar PV growth is sustainable and avoid disruption to electricity markets and higher energy costs, the report said. **Reuters**